

Gerai Jual Gambar Antara Tumpuan Ramai Di Perhimpunan Agung Umno 2011
Bernama
02 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Gerai Badan Kebajikan Kakitangan Ibu Pejabat Umno yang menjual koleksi gambar sepanjang Perhimpunan Agung Umno 2011, menjadi antara tempat tumpuan ramai di kalangan pengunjung ke perhimpunan itu sejak ia mula dibuka Slasa lepas.

Editor Foto dan Videografi Bahagian Media Ibu Pejabat Umno Shafie Mad Nor berkata kehadiran ribuan pengunjung dengan pelbagai gaya dan ragam memberi idea kepada mereka untuk merakam setiap detik berharga sepanjang berlangsungnya perhimpunan parti politik terbesar di negara ini.

Shafie berkata setiap koleksi gambar dijual pada harga RM4 sekeping dan RM10 untuk tiga keping gambar dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan sejak gerai itu dibuka.

"Dalam satu hari hasil jualan koleksi gambar dianggarkan RM3,000 sehingga RM4,000 dan dijangka meningkat kerana bukan hanya pengunjung sahaja yang berminat untuk membeli malah turut mendapat sambutan daripada perwakilan," katanya.

Beliau berkata gambar yang laris dijual terdiri daripada gambar bersama pemimpin, gambar perwakilan serta gambar kandid.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631471>